



KERTAS CADANGAN
KURSUS ISO 45001:2018 SISTEM PENGURUSAN KESIHATAN
DAN KESELAMATAN PEKERJAAN

UNTUK

AKADEMIK BOMBA & PENYELAMAT
MALAYSIA SARAWAK
Jalan Serikin, 94000 Bau, Sarawak

Disediakan oleh:

Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)
Wilayah Sarawak
Lot 894, Taman Perindustrian Demak Laut
93050 Kuching, Sarawak

Tel: 082 - 439959/439960

Fax: 082 – 439969

www.mpc.gov.my

5 MEI 2021

KERTAS CADANGAN KURSUS ISO 45001:2018 SISTEM PENGURUSAN KESIHATAN DAN KESELAMATAN PEKERJAAN UNTUK AKADEMIK BOMBA & PENYELAMAT MALAYSIA SARAWAK

1.0 PENGENALAN

- 1.1 Kertas cadangan ini disediakan lanjutan daripada permintaan daripada pihak Akademik Bomba & Penyelamat Malaysia Sarawak.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 ISO 45001 adalah merupakan Sistem Pengurusan Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan. Sistem ini merupakan piawaian ISO untuk sistem pengurusan kesihatan dan keselamatan pekerjaan yang diiktiraf dan dilaksanakan di seluruh dunia; dan
- 2.2 Sistem Pengurusan Kesihatan & Keselamatan Pekerjaan, yang sering dipanggil OHSMS, mentakrifkan rangka kerja di mana sesebuah organisasi menjaga kesihatan dan keselamatan pekerja-pekerjanya. Sistem ini mewakili satu set peraturan, dasar, proses, pelan serta amalan untuk mencegah hazard kesihatan dan keselamatan pekerjaan dan meminimumkan risiko di tempat kerja. OHSMS adalah unik serta bersesuaian dengan keperluan undang-undang, hazard kesihatan, keselamatan pekerjaan dan proses perniagaan yang digunakan dalam organisasi. ISO 45001 mewakili amalan terbaik dalam mewujudkan, melaksanakan dan mengekalkan OHSMS. Keperluan dan garis panduannya membantu organisasi untuk mewujudkan OHSMS yang berkesan.

3.0 OBJEKTIF

- 3.1 **Dengan mengikuti bengkel, objektif berikut dapat dicapai:**
- i. Lebih jelas mengenai isu OHSMS.
Penglibatan kepimpinan yang semakin meningkat dan penyertaan pekerja dalam OHSMS.
 - ii. Pemikiran berasaskan risiko dan peluang untuk OHS.
 - iii. Penyelarasan dasar dan objektif OHS dengan hala tuju strategik organisasi; dan.
 - iv. Integrasi OHSMS ke dalam proses perniagaan organisasi.

4.0 IMPAK PELAKSANAAN

- 4.1 Meningkatkan imej dan kredibiliti organisasi.
- 4.2 Meningkatkan kawalan kos.
- 4.3 Gunakan pengambilan keputusan berasaskan bukti.
- 4.4 Mewujudkan budaya penambahbaikan berterusan.

5.0 KAEDAH PEMBELAJARAN DAN PENGAJARAN

- 5.1 Kaedah pengajaran adalah melalui: -
- Syarahan.
 - Perbincangan Berkumpulan / Kajian Kes.
 - Perundingan
- 5.2 Bahasa Penyampaian: Bahasa Malaysia / Bahasa Inggeris

6.0 PESERTA

- 6.1 Pemilihan dan penyediaan peserta akan dibuat sepenuhnya oleh pihak organisasi. Untuk tujuan keberkesanan bengkel, bilangan peserta dihadkan kepada jumlah maksima seramai 30 orang sahaja untuk setiap sesi program. Tambahan setiap peserta dikenakan bayaran RM140.00 setiap peserta/hari.

7.0 YURAN KURSUS

- 7.1 Yuran profesional bagi kursus selama 2 hari adalah RM7,200.00 (Ringgit Malaysia: Tujuh Ribu Dua Ratus Sahaja). Yuran ini adalah setelah ditolak diskaun sebanyak 20% bagi pemegang kad 'P&I Associate Membership' bernombor 2011-00935. Manakala bayaran kit peserta adalah sebanyak RM3,582.00 (Tiga Ribu Lima Ratus Lapan Puluh Dua Sahaja). Jumlah keseluruhan bayaran adalah RM10,782.00 (Ringgit Malaysia: Sepuluh Ribu Tujuh Ratus Lapan Puluh dua sahaja).

BUTIRAN	RM
A. Yuran kursus (RM 4,500.00 x 2 hari)	9,000.00
Diskaun Kad P&I 20% (P&I No: 2011-00935)	1,800.00
JUMLAH	7,200.00
B. Bayaran Kit Peserta	3,582.00
JUMLAH KESELURUHAN (A + B)	10,782.00

- 7.2 Bayaran ini adalah meliputi yuran professional dan bahan program (nota kursus dan sijil penyertaan). Kos perjalanan dan penginapan penceramah juga termasuk dalam yuran ini. Walau bagaimanapun, makan, minum dan penginapan peserta (jika ada) adalah di bawah tanggungjawab pihak organisasi.
- 7.3 Harga keseluruhan program adalah termasuk bayaran kit peserta.

7.4 Cara bayaran

7.4.1 Bil akan dikeluarkan dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja setelah kursus dijalankan. Pihak organisasi membuat bayaran dalam tempoh 30 hari dari tarikh bil dikeluarkan. Bayaran hendaklah dibuat kepada **“MALAYSIA PRODUCTIVITY CORPORATION (Maybank Islamic – 561190058550)”**.

8.0 PENETAPAN TARIKH PROGRAM

- 8.1 Tarikh kursus : Akan ditentukan kemudian
- 8.2 Tempat kursus : Akan ditentukan kemudian
- 8.3 Masa : 9.00 pagi – 5.00 petang
- 8.4 Tenaga pengajar : Pegawai MPC atau pegawai yang dilantik oleh MPC
- 8.5 Bahasa Pengantar : Bahasa Malaysia/Inggeris

9.0 PENGESAHAN PENERIMAAN KERTAS CADANGAN

- 8.1 Pengesahan bertulis dari pihak organisasi adalah diperlukan sebelum program ini dijalankan. Pengesahan boleh dibuat dengan mengisi “Surat Persetujuan Organisasi Untuk Melaksanakan Kursus Permintaan” di dalam dua salinan. Satu salinan hendaklah dikembalikan kepada MPC Sarawak.
- 8.2 Pengesahan tersebut hendaklah dibuat sekurang-kurangnya 14 hari bekerja dari tarikh kursus hendak dijalankan.

10.0 TEMPOH SAH

- 10.1 Segala maklumat dalam kertas cadangan ini adalah sah dalam tempoh dua (2) bulan dari tarikh ia dikeluarkan.

11.0 KETERANGAN LANJUT

Untuk keterangan lanjut atau sebarang maklum balas, sila hubungi: -

Pengarah,

Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) Wilayah Sarawak
Lot 894, Lorong Demak Laut 3A, Jalan Demak Laut 3,
Taman Perindustrian Demak Laut,
93050 Kuching.

Tel. 082-439959/439960 Faks. 082-439969

(u.p.: Zuraini Subki/Khatijah Rahmat/Norijah Juen)

Emel: zuraini@mpc.gov.my / khatijah@mpc.gov.my/norijah@mpc.gov.my



**CADANGAN PROGRAM
KURSUS ISO 45001:2018 SISTEM PENGURUSAN KESIHATAN
DAN KESELAMATAN PEKERJAAN**

2 HARI

MASA	AKTIVITI
<u>Hari Pertama</u> 9.00 pagi – 5.00 petang	1. Introduction ISO 45001:2018 2. The principle of OHS management system. 3. ISO 45001:2018: i. Clause 4: Konteks organisasi (Context of the organization). ii. Clause 5: Kepimpinan (Leadership) iii. Clause 6: Perancangan (Planning) iv. Clause 7: Sokongan (Support) v. Clause 8: Operasi (Operation) vi. Clause 9: Penilaian prestasi (Performance evaluation) vii. Clause 10: Penambahbaikan (Improvement)
<u>Hari Kedua</u> 9.00 pagi – 5.00 petang	4. Documenting & Implementing an OHS MS 5. Setting up of OHS MS Milestone 6. Setting up OHS MS committee 7. Developing of OHS documented information. 8. Implementing the OHS Management System 9. Overview of Route of Certification to ISO 45001

*program ini adalah tertakluk kepada perubahan

Minum Pagi : 10.15 pagi -10.30 pagi

Makan Tengahari : 12.30 Tengahari-2.00 petang

Minum Petang : 3.15 petang – 3.30 petang